

Seorang profesor wanita telah diantik menjadi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) buat kali pertama di Universiti Utara Malaysia. Ikuti wawancara antara wartawan, Nor Azizah Din dengan Prof Dr. Rosna Awang Hashim.

Soalan: Apa perasaan Prof. setelah menerima amanah yang besar ini.

Jawapan: Dah nama pun perasaan... susah untuk digambarkan. Terharu pun ada. Pada masa yang sama, ramai orang kata orang perempuan lebih bertanggungjawab, *concern* pun tinggi dan fikir panjang. Nak bercakap pun kena fikir panjang, kena lebih berhati-hati. Dulu *I am represent myself and now I am represent the university and of course* terharu dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin dan Naib Canselor, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak kerana memberi kepercayaan untuk saya menjalankan tugas ini.

Soalan: Apa visi Prof. di Bahagian Akademik dan Antarabangsa terus ke hadapan selari dengan visi Naib Canselor.

Jawapan: Alhamdulillah, Naib Canselor sudah menjelaskan UUM hendak menjadi Universiti Penyelidikan (RU). Landasan telah dibina, jadi kita hanya perlu memperkukuhkannya untuk menjadi RU dalam tempoh tiga tahun, kita cuba. Saya rasa jika kita dah *determine* ada matlamat yang jelas, kita akan menyusun strategi untuk mencapainya dan dalam masa yang sama, kita hendak mencapai tahap sebagai *The Eminent Management University* di Malaysia. Kalau boleh, biar kita mencapai taraf antarabangsa dengan adanya program-program berkualiti dan pekerja berkualiti maka kita akan mendapat pelajar berkualiti. Kerana saya rasa, kalau kita hendak *sustain in the global competition, we have to become world class*.

Soalan: Apakah strategi mencapai hasrat itu.

Jawapan: Sebagai permulaannya, landasan telah diberikan, kita perlu memantapkan Sistem Lead (Leadership Academic Scheme) yang telah diasaskan oleh Naib Canselor sekarang. Saya rasa, sistem lead itu sebagai satu asas bagi pembinaan universiti di mana dalamnya terbina satu sistem pemantauan membolehkan kita sebagai pensyarah senior dan profesor bertindak sebagai 'malim' untuk sama-sama membimbing pensyarah-pensyarah baru dari segi penyelidikan dan penerbitan.

Semestinya mengajar adalah asas. Semua harus menjadi tenaga pengajar yang mahir dan berkualiti serta mempunyai asas *student centered learning*. Sebab saya dalam bidang pendidikan, memang saya tahu itu penting. Pengajaran adalah *our core business*. Pastikan kualiti pelajar yang masuk dan keluar daripada universiti ini hebat, sekarang kita kena ambil pelajar *postgraduate students* lebih banyak sebab ke arah RU, *postgraduate* itu salah satu sebagai *indicator*. Kita kena perbanyakkan penyelidikan dari pelajar, tidak kepada *course work* sahaja. Dengan adanya itu, dapat menyemarakkan penyelidikan universiti ini.

Kita juga dalam usaha mendapatkan *Association to Advance Collegiate Schools of Business* (AACSB), terutamanya untuk College of Business, kerana sekiranya, kita mahu program kita relevan. Program kita masih dalam *re-preview* dengan MQA. Jadi, kita pastikan program kita relevan dengan keperluan semasa dan tidak lari daripada falsafah bidang ilmu sendiri. Itulah yang terpenting buat masa ini.

Selain itu, pelan strategik universiti dalam aspek pengantarabangsaan sendiri, kita ada banyak strategi untuk mendapatkan pensyarah pelawat dan pelajar antarabangsa.

Saya akan cuba memahami budaya kerja dan menerima pandangan dari peringkat akar umbi. Ini adalah antara salah satu strategi yang akan dipraktikkan bagi mencapai satu rangkaian kerjasama dengan semua pihak.

Soalan: Adakah Prof. merasakan bidang pendidikan memberi kelebihan dalam menjalankan tugas ini.